

Pelbagai faktor jejas pengurusan bencana di Selangor

BH - 22/12/2021 m/s: 2

PM minta semua pihak perlu bertanggungjawab

Oleh Abnor Hamizam
Abd Manap
bhnews@bh.com.my

Jelebu: Masalah pengurusan bencana banjir di Selangor, termasuk kelewatan bantuan kepada mangsa, berpunca daripada pelbagai faktor, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Menjelaskan perkara itu, Perdana Menteri menegaskan, beliau telus dan tidak mahu melindungi sesiapa kerana semua pihak yang terabit perlu dipertanggungjawabkan.

“Di negeri lain di Pantai Timur, banjir seperti acara tahunan dengan semua telah membuat persediaan menjelang November dan Disember.

“Persiapan pusat pemindahan sementara (PPS) juga telah sedia kerana setiap tahun orang akan berpindah ke tempat sama, semua sudah okay.

“Malah pada mesyuarat khas bersama semua menteri besar dan ketua menteri pagi tadi (semalam), saya turut bertanya masalah di negeri terabit, tiada isu yang timbul,” katanya pada sidang media selepas melawat mangsa banjir di PPS Dewan D’Sury, Kuala Klawang, semalam.

Ismail Sabri berkata, Selangor tidak pernah berdepan banjir besar seperti kali ini yang juga berlaku dengan pantas dan mengikut prosedur operasi standard (SOP), pusat operasi bencana seharusnya dibuka sebaik saja ada mangsa dipindahkan walaupun dari sebuah rumah.

“Namun, di Selangor, berlaku serentak membabitkan beberapa daerah seperti Petaling, Shah Alam dan Klang.

“Jumlah hujan di Selangor da-


lam sehari itu sepatutnya adalah bagi tempoh sebulan.

“Biarpun amaran hujan sudah dikeluarkan, jangkaan taburan hujan yang banyak tidak ada dalam pemikiran penduduk ketika itu,” katanya memberi contoh di Taman Sri Muda di Shah Alam, penduduk sudah biasa berdepan banjir, tetapi tidak menyangka air naik sebegitu cepat.

Justeru, Perdana Menteri menjelaskan, ia antara faktor menyebabkan keadaan kalam-kabut pada hari pertama pengurusan banjir di Selangor.

“Saya ada mengarahkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) untuk menyelamatkan mangsa di sana. Namun ketika usaha menyelamatkan dilakukan NADMA, tempat tinggal mangsa sudah tidak dapat dikesan dan itu adalah masalah awal dihadapi,” katanya.

Pada hari pertama banjir, Ismail Sabri berkata, seluruh Shah Alam serta Klang mengalami kesesakan dan usaha menghantar



Ismail Sabri melawat mangsa banjir yang ditempatkan di PPS Dewan D’Sury, Kuala Klawang, semalam. (Foto BERNAMA)

bantuan makanan ke kawasan bencana berdepan kesukaran termasuk jalan tidak boleh dilalui.

“Saya tidak menafikan berlaku kelewatan (bantuan), namun ia disebabkan pelbagai faktor, selain aset seperti milik tentera turut digunakan di negeri lain,” katanya menjelaskan tanggungjawab pengurusan banjir bukan hanya terletak pada kerajaan Persekutuan tetapi juga kerajaan negeri, manakala NADMA pula dari segi koordinasi.

“Saya tidak menyalahkan netizen membuat aduan, saya berterima kasih kerana terus mengadu kepada saya,” katanya lagi.

Sementara itu, Perdana Men-

teri mahu kerja pembaikan jalan raya akibat tanah runtuh di Bukit Tinggi, di sini dilakukan dengan cepat bagi membolehkan akses jalan raya dapat dilalui antara Seremban-Jelebu.

Menerusi catatan yang dimuat naik di Facebook, beliau berkata, kerja pembaikan sedang dilakukan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi memastikan aktiviti harian rakyat tidak terganggu.

“Jalan utama ini digunakan oleh ramai rakyat untuk ke bandar utama. Kita tidak mahu aktiviti harian rakyat tersekat,” kata Ismail Sabri yang turun meninjau tempat kejadian, lokasi pertamanya dalam lawatan ke Negeri Sembilan, semalam.